

27 OCT 2002

Najib-Kerahan

PELBAGAI PERKARA PERLU DIAMBIL KIRA SEBELUM SYOR KERAHAN TENAGA DIBUAT

PEKAN, 27 Okt (Bernama) -- Pelbagai perkara perlu terlebih dahulu diambil kira sebelum cadangan untuk melaksanakan kerahan tenaga dibuat, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut beliau, idea kerahan tenaga itu merupakan sesuatu yang baik untuk memupuk semangat patriotik tetapi kerajaan perlu memikirkan bentuk, ciri serta corak kerahan yang sesuai untuk dilaksanakan.

"Apa yang patut difikirkan ialah apakah bentuk kerahan yang paling sesuai untuk negara kita, sebab ada beberapa ciri dan corak kerahan tenaga yang boleh difikirkan," katanya kepada pemberita di perkampungan Orang Asli, Kampung Bangkong, Bandar 2 Paloh Hinai, dekat sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam dilaporkan sebagai berkata bahawa beliau akan mengemukakan kepada Kabinet mengenai cadangan untuk melaksanakan kerahan tenaga bagi memupuk semangat patriotik di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Cadangan itu diutarakan oleh aktivis sosial Tan Sri Lee Lam Thye dan Anggota Parlimen Gelang Patah, Chang See Ten pada sesi dialog Kongres Patriotisme Negara anjuran Universiti Utara Malaysia dan Biro Tatanegara di Bangi, semalam.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata sekiranya hendak dilaksanakan di Malaysia, ia mungkin bukan bercorak ketenteraan seperti di negara jiran.

Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata, kerahan tenaga tidak semestinya berupa latihan ketenteraan sebab ia mungkin paling tidak sesuai dengan keperluan dan kepentingan negara.

Menurutnya, bagi sesetengah negara ia sudah menjadi dasar ketenteraannya dan sebab itulah mereka mewajibkan kerahan tenaga berbentuk ketenteraan ke atas setiap rakyat mereka yang berumur 18 tahun ke atas.

"Bagaimanapun dalam konteks Malaysia, kita harus memikirkan apa bentuk kerahan tenaga atau yang bersamaan dengan kerahan tenaga itu, yang paling sesuai untuk keperluan dan kepentingan negara kita," katanya.

Najib berkata, latihan ketenteraan kepada ramai orang juga boleh mendatangkan implikasi buruk terhadap keselamatan negara, sebab jika tapisan tidak dibuat, mungkin latihan diberikan kepada pihak yang mempunyai niat yang tidak baik.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang menyambut baik cadangan pelaksanaan kerahan tenaga itu berkata ia berkemungkinan menghadapi masalah kurang tenaga kerja bagi menjayakannya.

Oleh itu, Hishammuddin yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno berharap kerajaan menimbang pelbagai aspek sebelum melaksanakannya.

"Kita akan kaji sama ada cadangan ini munasabah dan implikasinya dari segi kos, dari segi pelaksanaan dan dari segi pulangnya," pada sidang media selepas merasmikan Program Jati Diri Rakan Muda di Dataran Merdeka di sini hari ini.

Hishammuddin berkata walaupun Malaysia tidak melaksanakan kerahan tenaga, namun program khidmat sosial yang dilaksanakan ketika ini mempunyai tujuan yang sama.

Kerajaan memutuskan menambah bilangan peserta program khidmat sosial kepada 20,000 orang setahun berikutan sambutan menggalakkan walaupun pada peringkat permulaan program itu hanya mengambil 1,000 peserta, katanya.

Beliau berkata masalah kekurangan kakitangan yang mencukupi menghalang hasrat kerajaan untuk memberikan lebih banyak peluang kepada golongan muda

menyertai program berkenaan.
-- BERNAMA
HIS CCB KHY RI RZS LAT